

Pemakaian Organ dan Tisu Binatang: Kesannya Terhadap Ibadat Solat

Zulkifli Muda *
Nizaita Omar **

Abstract

With the remarkable progress of medication nowadays, many diseases can be cured. The example of the progress is the replacement of human organ/tissue in human body by animal organ/tissue. It is to be noted that in every muslims' ibadah especially solat, everything should be clean and pure. If not it will render the solah invalid. This article will examine the effect of the validity of solat due to the use of animal organ and tissue in human body.

Mukaddimah

Perbahasan berhubung dengan pengamalan ibadat solat merupakan suatu perkara yang cukup penting di dalam kehidupan mukmin. Ini kerana kewajipan menunaikan ibadat seperti solat adalah suatu yang tidak boleh ditolakansurkan kerana ibadat adalah pemangkin kepada keutuhan dan kekebalan iman dan akidah yang merupakan intipati kepada *al-dīn* (agama) yang juga merupakan perkara pertama dan utama di dalam *al-maqāsid al-syariāh* iaitu termasuk di dalam *al-darūriyyāt*.¹

* Pensyarah di Jabatan Undang-undang Islam, Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, UIAM.

** Calon Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹ *Al-Darūriyyāt* ialah kemaslahatan yang mesti wujud di dalam kehidupan manusia. Tanpanya manusia tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna, bahkan akan membawa kepada kehuru-haraan, kerosakan, peperangan dan sebagainya. Selain *al-dīn*, perkara lain yang termasuk di dalam *al-darūriyyāt* ialah penjagaan terhadap nyawa, kehormatan, akal dan harta benda. 'Abd al-Wahhāb Khalaf (t.t.), *ʿIlm Uṣūl al-Fiqh*, c. 8. Damsyik: Dār al-Qalam, h. 197-201.

Oleh kerana orang Islam wajib melakukan beberapa aktiviti ibadat di dalam bentuk harian seperti solat, maka perbincangan berhubung dengan topik ini amat penting dan penulis akan mengutarakan pandangan ulama Islam mengenainya serta akan mengemukakan beberapa cadangan sebagai penyelesaian kepada mereka yang terlibat.

Terdapat pesakit yang terpaksa memakai alat ganti atau organ dari binatang termasuklah dari binatang yang tidak halal dimakan. Juga di dalam sesetengah keadaan, pesakit juga terpaksa menerima organ dari manusia lain bagi menyembuhkan penyakit yang dihadapi. Di dalam dua keadaan ini, apakah sikap Islam di dalam menyelesaikan persoalan ibadat solat dan *tahārah*?

Pemakaian Organ Binatang

Dunia perubatan moden hari ini terus maju setapak lagi dengan wujudnya organ-organ gantian yang diambil daripada binatang sebagai menggantikan organ atau tisu yang rosak pada tubuh manusia.

Sebenarnya semasa zaman pemerintahan ‘Abbasiyyah, pakar-pakar perubatan muslim telahpun meneroka dan mengkaji penggunaan organ binatang untuk kegunaan manusia. Sejak lebih seribu tahun lalu, mereka telahpun membincangkan masalah xenograftis. Zakariyyā al-Qazarinī (600-682 H / 1203-1283 M) telah mengasaskan penggunaan tulang-tulang khinzir bagi tujuan merawat pesakit yang menghadapi masalah tulang.²

Di zaman moden ini, percubaan melakukan pemindahan organ atau tisu binatang kepada manusia telahpun meniti sejarah sejak tahun 1963 lagi dengan sebanyak 30 percubaan telah dijalankan. Namun, menurut sumber laporan yang diterbitkan oleh University of Pittsburg, Pennsylvania, Amerika Syarikat, kesemua percubaan tersebut menemui kegagalan dan berakhir dengan kematian pesakit beberapa jam hingga menjangkau kepada beberapa bulan selepas pembedahan.³

Misalnya pada bulan februari 1966, Jeff Getty penghidap penyakit *AIDS* telah diberikan sel daripada sumsum tulang babun. Rawatan tersebut menampakkan peningkatan terhadap kesihatannya. Malangnya ia tidak bertahan lama dan pembedahan tersebut tidak membuahkan hasil seperti yang diharapkan kerana tidak banyak sel kekebalan babun dapat hidup dalam badan manusia. Walaupun percubaan tersebut

² Wan Roslili Ibrahim (1994), "Pemindahan Organ: Fatwa, Keputusan dan Implikasinya," *Muslimah*, Feb/Mac 1994, h. 49.

³ Serge Romensky (1997), "Organ Haiwan Untuk Manusia," *Utusan Malaysia*, 11 hb. November, h. 17.

tidak menampakkan kejayaan penuh, namun apa yang lebih penting, ianya menjadi pembuka jalan kepada penerokaan baru dunia perubatan terhadap penggunaan alat gantian daripada binatang.⁴

Sebelum itu, pada tahun 1964 Dr. James Hardy telah memindahkan jantung seekor monyet kepada seorang pesakit jantung yang berusia 68 tahun. Oleh kerana saiz jantung yang kecil, pesakit kemudiannya meninggal dunia beberapa jam selepas pembedahan.

Menurut laporan penyelidikan yang telah dijalankan, pemindahan organ haiwan kepada manusia masih gagal ditangani dengan baik, malah tindakan tersebut telah menyumbang risiko tinggi kepada kematian pesakit. Para Saintis mendapati bahawa tisu dan darah monyet atau babun mempunyai sejenis virus yang berbahaya kepada tubuh manusia. Contohnya, virus HIV yang dideritai oleh pesakit AIDS mempunyai versi yang sama dengan virus SIV yang menjangkiti monyet-monyet di Afrika. Ini terbukti melalui kajian yang dibuat pada tahun 1967 ke atas ginjal monyet mendapati sejenis virus yang sangat berbahaya wujud dalam ginjal tersebut. Virus tersebut dikatakan pernah menjangkiti beberapa individu yang membawa maut kepada mangsa yang terbabit.⁵

Terdapat andaian yang mengatakan bahawa masalah yang dihadapi hasil daripada pemindahan organ haiwan hari ini boleh diselesaikan melalui teknik dan cara penternakan khusus untuk tujuan pemindahan tersebut. Haiwan-haiwan yang berkaitan akan diternak di tempat yang sesuai, terpencil dan khusus dengan pengubahsuaian genetiknya kepada satu atau lebih gen manusia.⁶

Di Malaysia, pakar-pakar sains dari Universiti Sains Malaysia dan Bank Tisu Negara juga telah berjaya menemui tisu graf amnion daripada kulit kambing yang boleh menyembuhkan pelbagai kesan luka termasuk kesan lecur akibat kebakaran khususnya di bahagian muka. Alat ganti tubuh manusia ini dihasilkan melalui gabungan tisu selaput uri (Plasenta) kambing dan sinar gamma (dari teknologi nuklear) yang dipancarkan kepada pesakit.⁷

Perkembangan ini juga menampilkan cadangan penggunaan alat gantian daripada khinzir. Malah kajian awal mendapati bahawa organ khinzir merupakan gantian yang

⁴ Ismail Hashim, "Haramkan Pemindahan Organ Khinzir," *Massa*, 10 Mei 1997, h. 52.

⁵ "Ancaman Virus Daripada Pemindahan Organ Babun," *Mutiara*, Ogos 1997, h. 27.

⁶ Serge Romensky, *op.cit.*, h. 17.

⁷ Noor Azmah Ibrahim, "Tisu amnion, Kulit Kambing Merawat Luka," *Utusan Malaysia*, 21 Oktober 1997, h. 17.

paling sesuai bagi manusia kerana saiznya yang hampir serupa. Dikatakan bahawa hati khinzir boleh digunakan bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang menghidap penyakit *Hepatitis B*.⁸

Di dalam perkembangan lain iaitu pada tahun 1998, pakar perubatan New York telah menemui penawar baru bagi penyakit *Parkinson* iaitu dengan pemindahan sel yang diambil daripada fetus khinzir ke dalam otak pesakit. Setakat ini, sel haiwan tersebut telah dipindahkan kepada sebelas pesakit *Parkinson* dan terdapat tanda pemulihan. Contohnya, seorang pesakit yang telah menghabiskan sebahagian besar hidupnya di atas kerusi roda, kini boleh bangun dan bergerak, bahkan mampu bermain golf. Tiada kesan sampingan yang ketara terhadap pemindahan tersebut.⁹

Bagi menjawab persoalan apakah hukum solat seseorang pesakit yang memakai alat gantian organ ini yang najis seperti diambil dari bangkai atau dari najis *mughalazzah* seperti babi dan sebagainya, sebenarnya terdapat beberapa nas al-Qur'an yang mengharamkan penggunaan bahan najis. Antaranya ialah firman Allah di dalam al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya (Allah) hanya mengharamkan kepadamu bangkai, darah, daging khinzir dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barang siapa di dalam keadaan terpaksa memakannya sedangkan ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. (Terjemahan surah al-Baqarah (2): 173).

FirmanNya lagi yang bermaksud:

Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging khinzir, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk dan yang diterkam binatang buas kecuali yang sempat kamu menyembelinya. (Terjemahan surah al-Mā'idah (5): 3)

Nas-nas di atas dengan jelasnya mengatakan bahawa bahan-bahan najis adalah sesuatu yang tidak boleh dimanfaatkan. Pengharaman tersebut bukan sahaja bagi tujuan makanan, tetapi juga merangkumi perkara-perkara yang lain termasuklah bagi maksud perubatan. Pengharaman tersebut akan terangkat dan bertukar menjadi harus di dalam keadaan darurat seperti yang dijelaskan di akhir kedua-dua ayat tersebut.¹⁰

⁸ Serge Romensky, *op.cit.*

⁹ "Sel Fetus Penawar Parkinson," *Utusan Malaysia*, h. 25.

¹⁰ Wahbah Muṣṭafā al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al Munīr*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 173; Maḥmūd Muḥammad 'Abd 'Aziz al-Zaynī (t.t.), *Mas'ūliyyat al-Attibbā' 'An 'Amaliyyāt al-Ta'wīdiyyah Wa al-Tajmīliyyah Wa al-Ritq al-'Uzrī fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah Wa al-Qanūn al-Wad'ī*. Iskandariyah: Muassasah al-Thaqāfah al-Jām'iyyah, hh. 55-56.

Terdapat perbezaan ketara antara orang yang berada di dalam keadaan kelaparan yang amat sangat dan tidak ada makanan lain untuk di makan kecuali makanan-makanan yang haram, dengan orang yang sakit. Orang yang pertama diharuskan memakan makanan yang haram kerana ia berada di dalam keadaan darurat. Ini seperti yang dinaskan oleh dua ayat di atas. Sekiranya kelaparannya tidak sampai ke peringkat darurat, maka ia tidak harus memakan makanan yang haram. Berbeza dengan orang yang sakit, ia boleh menggunakan bahan-bahan yang haram bagi tujuan perubatan ketika darurat dan ketika hajat (peringkat yang tidak sampai kepada darurat).¹¹

Oleh itu penggunaan anggota, organ dan tisu palsu oleh pesakit mempunyai tiga keadaan:¹² Pertamanya penggunaan ketika darurat, ia diharuskan berdasarkan kepada keumuman dua ayat di atas. Sekiranya bahan-bahan najis harus dimakan ketika darurat, maka penggunaan alat palsu yang dibuat daripada bahan-bahan najis lebih wajar diharuskan kerana ia tidak membabitkan pemakanan tetapi penggunaan sahaja. Keduaanya, penggunaan alat palsu yang dibuat daripada bahan-bahan yang najis ketika hajat diharuskan sekiranya anggota, organ atau tisu tersebut memang suatu yang diperlukan untuk melengkapkan kehidupan hariannya. Ketiganya penggunaan anggota, organ atau tisu palsu yang dibuat daripada bahan-bahan najis tanpa ada keperluan dan hajat untuk diri dan kehidupan adalah tidak diharuskan kerana ia mengganggu ibadat solat yang disyaratkan supaya ditunaikan di dalam keadaan bersih dari segala najis.

Walau bagaimanapun, terdapat fatwa lain daripada sebahagian ulama mazhab *Ḥanafī* yang mengatakan bahawa najis yang bertukar rupa dan bentuk asalnya serta hilang sifat-sifat kenajisannya (bau, rasa dan warna), maka kenajisannya terangkat dan dengan itu ia tidak dianggap najis lagi.¹³ Berdasarkan fatwa ini, maka anggota, organ atau tisu palsu yang dibuat daripada bahan-bahan najis tidak dianggap najis lagi kerana telah berlaku pertukaran pada rupa, bentuk dan sifat-sifat asal najis. Dengan itu, ia boleh digunakan tanpa perlu tertakluk kepada keadaan darurat atau hajat seperti yang dijelaskan.

Fatwa ini jelas bertentangan dengan pandangan di atas yang dinyatakan jelas bahawa najis adalah najis walau apa keadaan sekalipun. Namun begitu, dalam keadaan tertentu dibenarkan penggunaannya semata-mata kerana darurat atau hajat.

¹¹ Perkara ini terbukti ketika dibincangkan tentang hukum pemindahan darah, sel, pemindahan organ daripada orang yang hidup dan mati. Lihat Nizaita Omar (2000), "Beberapa Kaedah Rawatan Moden Menurut Perspektif Islam," M.A. Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.

¹² Nizaita Omar (2000), *op.cit.*, h. 69.

¹³ Al-Kāsānī (1986), *Badā'i' al-Ṣanā'i' Fī Tartīb al-Syarā'i*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 85.

Bagi pesakit yang menggunakan anggota, organ atau tisu binatang, sekiranya binatang tersebut adalah yang halal dimakan dan dilakukan penyembelihan mengikut rukun-rukun dan syarat-syaratnya,¹⁴ itu tidak menimbulkan apa-apa masalah kerana bahan-bahan tersebut bukanlah sesuatu yang dianggap najis.

Tetapi sekiranya bahan-bahan tersebut diambil daripada binatang yang halal tetapi tidak disembelih (bangkai), terdapat perbezaan pendapat mengenainya. Menurut pandangan mazhab Ḥanafī, anggota atau bahagian badan bangkai binatang yang berbentuk objek keras yang tiada pengaliran darah seperti tulang, tanduk, gigi, kuku, gading gajah dan sebagainya adalah tidak najis.¹⁵ Alasan yang diberikan ialah 'illah kenajisan anggota atau bahagian bangkai adalah disebabkan wujudnya kotoran-kotoran cecair seperti darah dan lendir-lendir yang ada pada anggota tersebut. Manakala anggota atau bahagian binatang yang berbentuk objek keras tidak terdapat kotoran seperti itu.¹⁶ Manakala di sisi mazhab Syāfi'ī¹⁷ dan jumhur ulama,¹⁸ semua bahagian bangkai adalah najis termasuklah objek-objek yang keras.

Berdasarkan kepada pandangan mazhab Ḥanafī, penggunaan mana-mana anggota atau bahagian bangkai binatang dan objek keras sebagai bahan gantian kepada bahagian-bahagian tertentu tubuh manusia adalah diharuskan tanpa dibatasi dengan keadaan darurat. Bahkan para ulama dari mazhab Ḥanafī secara terang-terang menghalalkan penggunaan tersebut di dalam ungkapan-ungkapan mereka.¹⁹

Di dalam *al-Fatāwā al-Hindiyyah* ada dinyatakan:

Dan tidak mengapa mengubati penyakit dengan tulang sekiranya ia diambil daripada kambing, lembu, unta, kuda atau binatang-binatang lain.²⁰

Manakala penggunaan anggota-anggota bangkai binatang daripada objek keras di dalam mazhab Syāfi'ī mestilah dibatasi dengan keadaan darurat atau hajat sahaja. Ini kerana anggota ini adalah najis.²¹

¹⁴ Wahbah Muṣṭafā al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, j. 3, Beirut: Dār al-Fikr, h. 647.

¹⁵ Al-Kāsānī (1986), *op.cit.*, j. 1, h. 63.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1958), *Mughnī al-Muḥṭāj*, j. 1, Kaherah: Muṣṭafā al-Ḥalabī, h. 78.

¹⁸ Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, j. 1, h. 156.

¹⁹ Jamā'ah 'Ulamā' al-Hind (1986), *al-Fatāwā al-Ḥadīthiyyah*, j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 354

²⁰ *Ibid.*

²¹ Al-Syarbīnī (1958), *op.cit.*, j. 1, h. 190.

Al-Khaṭīb al-Syarbīnī dalam *Mughnī al-Muḥtāj* berkata:

Dan sesiapa yang menyambung tulangnya (disebabkan kecederaan) dengan sesuatu (bahagian) yang najis dan ini dilakukan kerana ketiadaan (bahagian lain) yang bersih dan sesuai untuknya, atau mendapati (bahagian) yang suci tetapi ahli perubatan mengatakan ia tidak sesuai, maka ia diuzurkan iaitu solatnya sah kerana darurat.²²

Berdasarkan kepada pandangan mazhab Syāfi‘ī, sekiranya terdapat anggota atau bahan lain yang bersih yang boleh digunakan pesakit, maka penggunaan anggota atau bahagian tertentu daripada bangkai adalah tidak diharuskan kerana ia akan mengganggu ibadat solat yang hanya sah dilakukan dalam keadaan bersih sahaja. Sekiranya seseorang yang menggunakan anggota atau mana-mana bahagian bangkai sebagai bahan gantian pada tubuhnya, kemudian selepas itu ia mendapati sesuatu gantian lain yang bersih dan suci, maka terdapat perselisihan pendapat di dalam mazhab Syāfi‘ī.²³

Pendapat pertama: Ia wajib mencabut tulang atau mana-mana bahagian najis yang digunakannya sekiranya tindakan tersebut tidak mendatangkan sebarang mudarat pada dirinya. Jika tindakan tersebut mendatangkan mudarat, maka ia tidak perlu mencabutnya lagi.²⁴

Pendapat kedua: Wajib ia mencabut bahagian tersebut, walaupun tindakan tersebut mendatangkan mudarat. Ini kerana ia telah melampaui had-had halal.²⁵

Pandangan pertama adalah pandangan muktamad di dalam mazhab Syāfi‘ī. Ini kerana tidak ada unsur-unsur “melampaui batas” di dalam kes ini kerana ia dilakukan ketika ketiadaan anggota yang bersih dan sesuai.²⁶

Penulis berpendapat bahawa pandangan yang mengatakan objek-objek keras yang diambil daripada bangkai binatang adalah tidak najis, adalah pandangan yang kuat. Ini bererti penggunaannya sebagai organ gantian di dalam badan manusia diharuskan tanpa dibatasi oleh darurat. Namun penggunaan tersebut mestilah disyaratkan bahawa ianya tidak mendatangkan kemudaratkan kepada tubuh badan pesakit.

Anggota, organ dan tisu binatang yang tidak disembelih yang tidak berbentuk objek yang keras seperti jantung, hati dan seumpamanya, penggunaannya tidak

²² *Ibid.*

²³ Syihāb al-Dīn Qalyūbī *et.al.* (t.t.), Qalyūbī & Umayrah, j. 1. Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Ḥalabī, h. 182

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

diharuskan kecuali ketika hajat dan darurat sahaja. Ini kerana kesemua organ-organ tersebut adalah najis di sisi semua mazhab. Penggunaan anggota, organ dan tisu yang diambil daripada binatang yang tidak halal dimakan juga sama hukumnya dengan penggunaan anggota, organ dan tisu bangkai binatang yang halal dimakan. Ini terkecuali khinzir dan anjing.

Berhubung dengan anggota, organ dan tisu khinzir, Imām al-Qurtūbī mengatakan bahawa tiada perselisihan di kalangan ulama' tentang kenajisan seluruh tubuh khinzir melainkan bulunya sahaja. Terdapat sebahagian ulama yang membenarkan penggunaan bulu khinzir.²⁷ Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama termasuk mazhab Syāfi'ī mengharamkan juga penggunaan bulu khinzir.²⁸

Penulis berpendapat penggunaan anggota, organ dan tisu yang diambil daripada khinzir adalah haram sebagai menjunjung firman Allah s.w.t yang bermaksudnya:

Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging khinzir, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk dan yang diterkam binatang buas kecuali yang sempat kamu menyembelinya. [Terjemahan surah al-Maidah (5): 3]

Penggunaan anggota, organ dan tisu khinzir hanya dibolehkan ketika darurat sahaja sama seperti keharusan memakan dagingnya ketika darurat. Firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya (Allah) hanya mengharamkan kepadamu bangkai, darah, daging khinzir dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barang siapa di dalam keadaan terpaksa memakannya sedangkan ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. [Terjemahan surah al-Baqarah (2): 173]

Firman Allah lagi yang bermaksud:

Maka barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

[Terjemahan surah al-Maidah (5): 3]

Ayat-ayat ini mengharuskan bagi sesiapa yang menghadapi suasana darurat untuk memakan makanan-makanan yang diharamkan. Maka begitu juga penggunaan bahan-bahan yang haram seperti anggota, organ dan tisu khinzir adalah diharuskan ketika darurat.

²⁷ Muḥammad Ibn Aḥmad al-Qurtūbī (1985), *al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth, h. 223.

²⁸ Taqī al-Dīn Abū Bakr Ibn Muḥammad al-Ḥusaynī (t.t.), *Kifāyah al-Akhyār*, j. 1. Bandung: Dār al-Ma'arif, hh. 13-14.

Keharusan ini dapat dikesan daripada beberapa ungkapan ulama silam. Antaranya ungkapan Imām al-Syarbīnī di dalam *Mughnī Muhtāj* seperti yang dicatatkan sebelum ini.²⁹ Perkataan “*sesuatu yang najis*” di dalam ungkapan Imām al-Syarbīnī “...*dan sesiapa yang menyambung tulangnya (disebabkan kecederaan) dengan sesuatu (bahagian) yang najis...*” adalah umum termasuklah juga di dalamnya organ atau anggota khinzir. Ini dikuatkan lagi dengan fakta sejarah yang mengatakan persoalan yang ditimbulkan oleh Imām al-Syarbīnī ini adalah menjawab persoalan masyarakat pada masa itu tentang penggunaan tulang khinzir sebagai alat sokongan atau gantian kepada bahagian tubuh yang bermasalah.³⁰

Berhubung dengan anggota, organ dan tisu anjing pula, para ulama berselisih pendapat tentang kenajisannya. Mazhab Syāfi‘i³¹ dan Ḥanbali³² menganggap anjing adalah binatang yang najis ‘*ain* atau najis tubuh badannya. Ini termasuk air liur dan peluhnya. Dalil yang menunjuk kenajisannya ialah sabda Rasul Allah s.a.w yang bermaksud:

*Apabila anjing menjilat bekas salah seorang daripada kamu, maka hendaklah dibasuh bekas tersebut tujuh kali, salah satu daripadanya air bercampur tanah.*³³

Pandangan yang muktamad di dalam mazhab Ḥanafī pula menganggap bahawa anjing bukan najis ‘*ain*. Yang najis adalah mulut dan air liurnya sahaja. Ini berdasarkan hadith di atas yang hanya mengkhususkan basuhan tujuh kali pada jilatan sahaja.³⁴

²⁹ Al-Syarbīnī (1958), *op.cit.*, j. 1, h. 190.

³⁰ Mengikut fakta sejarah, seorang ahli perubatan Islam, Zakariyyā al-Qazārīnī (600-682 H/ 1203-1283M) telah mengasaskan penggunaan tulang-tulang khinzir bagi tujuan merawat pesakit yang menghadapi masalah tulang. Bahkan daripada kajiannya, tulang tersebut adalah tulang yang lebih baik di kalangan xenografitis. Penggunaan bahan-bahan seperti ini (tulang khizir) mungkin menimbulkan rasa kurang selesa di kalangan umat Islam. Namun, hakikat yang harus diterima ialah rawatan tersebut terpaksa dibuat kerana ketiadaan teknik atau alternatif lain pada ketika itu bagi merawat sesetengah penyakit yang berkait dengan permasalahan tulang. Lihat Wan Roslili (1994), *op.cit.*, h. 49.

³¹ Lihat al-Syarbīnī (1958), *op.cit.*, j. 1, h. 78.

³² Lihat Muwaffaq al-Dīn Ibn Muḥammad Ibn Qudāmah (1983), *al-Mughnī*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 52.

³³ Abū ‘Abd Allāh Muḥamad al-Ḥākim al-Naysābūrī (1978), *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn fī al-Ḥadīth*, (Kitāb al-Ṭahārah, Bab Ṭuhūr al-Inā’ min Wulūgh al-Kalb, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 160.

³⁴ Lihat al-Kāsānī (1986), *op.cit.*, j. 1, h. 63.

Ulama daripada mazhab Mālikī pula berpendapat anjing tidak najis sama seperti binatang-binatang lain. Berhubung hadith di atas, mereka mengatakan bahawa basuhan tersebut hanya sebagai suruhan *ta'abbudī* atau semata-mata perintah agama tanpa sebab.³⁵

Pandangan mazhab ini bertepatan dengan keumuman ayat al-Qur'an yang bermaksud:

Dan (buruan yang ditangkap) binatang buas yang telah kamu ajar dengan melatihnya untuk berburu. Kamu mengajarnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepadamu. Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untukmu...
[Terjemahan surah al-Mā'idah (5): 4]

Ayat ini membenarkan seseorang memakan hasil buruan yang menggunakan anjing dan tidak menyatakan kenajisan anjing yang dijadikan alat memburu. Ayat ini juga datang tanpa diterangkan kewajipan membasuh binatang buruan yang digonggong oleh anjing. Ayat ini sudah tentu menguatkan lagi pandangan mazhab Mālikī.³⁶

Kesimpulan

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah penggunaan mana-mana anggota anjing daripada objek yang keras seperti tulang, kuku dan seumpamanya tidak dibenarkan sama sekali kecuali di dalam situasi darurat. Ini berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh mazhab Syāfi'ī dan Ḥanbalī. Namun, pandangan yang lebih dominan di dalam mazhab Ḥanafī dan Mālikī, penggunaan anggota atau mana-mana bahagian anjing daripada objek yang keras adalah dibenarkan sekalipun tiada darurat untuk berbuat sedemikian.

Adapun bahagian dalaman yang bukan daripada objek keras seperti jantung, hati dan seumpamanya, maka penggunaan tersebut mestilah dibatasi oleh darurat atau hajat kerana organ atau bahagian tersebut adalah najis di sisi semua mazhab (termasuk mazhab Mālikī) kerana ia daripada bahagian bangkai yang diselaputi oleh kotoran-kotoran cecair. Oleh itu, penggunaannya dihadkan ketika hajat atau darurat sahaja. Mazhab Mālikī menganggapnya sebagai najis kerana ia adalah cecair binatang adalah najis walaupun binatang itu sendiri adalah suci.³⁷

³⁵ Abū Barakāt Aḥmad Ibn Muhammad al-Dasūqī (t.t.), *al-Syarḥ al-Kabīr*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 83.

³⁶ Al-Zuhaylī (1991), *op.cit.*, j. 6, h. 93-94; al-Dasūqī (t.t.), *op.cit.*, j. 1, h. 83.

³⁷ Nizaita Omar (2000), *op.cit.*, h. 69.